



## **SIARAN MEDIA BERSAMA**

### **PERKESO, PERHEBAT & JHEV METERAI MoU STRATEGIK: SASAR 5,000 PELUANG KERJA UNTUK VETERAN ATM HINGGA 2030**

**SUNGAI BULOH, 10 MAC 2026** - Seramai 5,000 veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) disasarkan bakal menerima penempatan pekerjaan sehingga 2030 menerusi Program LINDUNG Kerja MYFutureJobs Wira.

Sasaran ini digerakkan melalui kerjasama strategik Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO); Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM yang dimeterai melalui Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memastikan peralihan kerjaya perwira negara dilaksanakan secara lebih strategik. Sesi pertukaran dokumen MoU disaksikan Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin dan Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan di Kompleks PERHEBAT.

Menteri Pertahanan berkata, gabungan kolaborasi PERHEBAT, JHEV ATM dan PERKESO berupaya membangunkan ekosistem bersepadu bagi menghubungkan veteran secara lebih strategik menerusi pemetaan pekerjaan berdasarkan lokaliti veteran dan industri.

Jelasnya, skop kerjasama yang dimeterai memberi penekanan kepada padanan pekerjaan, perkongsian data veteran, integrasi Veteran Integrated Benefit System (VIBES) dan MYFutureJobs serta perlindungan sosial yang bakal memanfaatkan kumpulan sasar terutamanya dalam meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

"Usaha ini wajar agar veteran di seluruh pelosok Malaysia dapat merasai nikmat pekerjaan yang bermaruah dan tidak hanya tertumpu di bandar-bandar besar sahaja," katanya.

"Inisiatif ini sejajar dengan matlamat MINDEF menerusi Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN) dan Pelan Transformasi PERHEBAT 2026 – 2035 yang memberi keutamaan untuk memperkasa laluan kerjaya kedua perwira negara dipacu sektor awam dan swasta".

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia menjelaskan, kementeriannya komited memastikan kadar penempatan minimum sebanyak 45 peratus dapat dicapai bagi setiap intervensi yang dijalankan sepanjang tahun 2026.

"Saya tegaskan matlamat kita bukan sekadar menyediakan peluang pekerjaan, tetapi memastikan veteran ATM memperoleh pendapatan bermaruah setaraf kepakaran serta disiplin tinggi yang mereka miliki.

"Pengambilan mereka bukan sahaja membekalkan industri dengan tenaga kerja kompeten, malah merupakan langkah strategik negara dalam mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing,".

Berdasarkan perangkaan rasmi bagi tempoh 2020 hingga 2025, Ramanan menjelaskan, seramai 5,530 veteran berjaya ditempatkan dalam pelbagai sektor pekerjaan. Sepanjang 2025, katanya, seramai 573 veteran memulakan kerjaya baharu dengan sektor pembuatan menjadi majikan tertinggi yang memberi penempatan, diikuti sektor perkhidmatan dan teknikal.

"Menerusi kolaborasi strategik ini, enam inisiatif utama digerakkan bagi merealisasikan sasaran 2,500 pendaftaran, dengan penempatan melebihi 1,000 veteran.

"Usaha ini merangkumi pengesahan identiti veteran secara rasmi oleh JHEV dan PERHEBAT bagi membolehkan akses eksklusif kepada peluang pekerjaan, di samping integrasi data antara portal MYFutureJobs dan Veteran Integrated Benefit System (VIBES) bagi memperkukuh ketepatan pepadanan kerjaya.

Pendaftaran veteran di portal MYFutureJobs mencecah lebih 14,000 individu, sekali gus membuktikan kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan transisi kerjaya yang tersusun. Sebagai permulaan

kepada kerjasama ini, seramai 14 majikan strategik hadir dalam sesi temu duga terbuka yang diadakan serentak dengan majlis tersebut.

Untuk rekod, Pelan Transformasi PERHEBAT mencatatkan momentum bulanan yang memberangsangkan setakat Januari 2026. Sebanyak 259 peluang pekerjaan dan penempatan industri telah ditawarkan, dan 121 veteran berjaya mendapat pekerjaan dengan skala gaji RM2,500 hingga RM5,000 dalam sektor aeroangkasa dan pengangkutan.

Ia dicapai hasil kerjasama PERHEBAT dengan 69 industri strategik dalam pelbagai sektor. Pelan jangka panjang 10 tahun dirangka khusus untuk membangunkan bakal pesara dan veteran sebagai penggerak ekonomi dan tenaga kerja berkualiti tinggi.

Pertukaran dokumen MoU di antara Ketua Pengarah PERHEBAT, Dato' Ts. Amir Md. Noor, Ketua Pengarah JHEV ATM, Mejar Jeneral Dato' Haji Semaon Haji Marjuki dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Majlis pemeteraian MoU ini turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly Zahari, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Datuk Haji Malek Razak Sulaiman, Ketua Setiausaha MINDEF, Datuk Lokman Hakim Ali, Pengerusi LTAT, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM (Bersara), Pengerusi PERHEBAT, Prof. Emerita Datuk Dr. Roziah Omar dan Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal.

**##TAMAT#**

Mengenai PERHEBAT

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) berperanan menjalankan dan menguruskan program Latihan Peralihan untuk Anggota ATM yang akan bersara dan veteran ATM dalam bidang kemahiran teknikal, vokasional dan keusahawanan demi kerjaya kedua mereka setelah menamatkan perkhidmatan.

Latihan Peralihan adalah program khas yang disediakan Kerajaan kepada anggota ATM yang akan menamatkan perkhidmatan agar mereka memperoleh kemahiran dan pengalaman supaya dapat menyesuaikan diri dengan corak penghidupan baharu setelah tamat perkhidmatan seterusnya memperoleh kerjaya kedua.

Mengenai JHEV ATM

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) berperanan membantu para pesara Angkatan Tentera Malaysia dalam meningkatkan taraf sosioekonomi setelah menamatkan perkhidmatan dalam ATM.

Mengenai PERKESO

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ditubuhkan bagi mentadbir, melaksana dan menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971.

**Untuk pertanyaan media, hubungi :**

**PERHEBAT**

Ahmad Rafizal : 012 - 424 4840 / rafizal@perhebat.com.my

Muhammad Asyraf : 019 - 615 8000 / asyrafali@perhebat.com.my

**PERKESO**

Ikliil Fatimah Kamal Redzuan : 019 - 327 3193 / fatimah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud : 019 - 326 5772 / ridauddin.daud@perkeso.gov.my